

21 SEP 2000

Punggok

PUNGGOK SELAPONG BANTU PELIHARA LADANG KELAPA SAWIT SAWARAK

BINTULU, 21 Sept (Bernama) -- Punggok Selapong dari Semenanjung Malaysia akan dibawa masuk membantu memerangi tikus-tikus di ladang kelapa sawit di Sarawak, kata Timbalan Ketua Menteri Tan Sri Alfred Jabu hari ini.

Katanya kabinet negeri pada mesyuaratnnya baru-baru ini bersetuju membenarkan pemilik ladang kelapa sawit mengimport spesies punggok itu dari Semenanjung.

Tikus-tikus itu telah mengunggis 20 hingga 30 peratus buah segar dari setiap ladang, katanya.

Jumlah tikus itu semakin berganda selepas arahan melarang pembakaran terbuka dikenakan bagi mengurangkan masalah jerebu, katanya kepada pemberita di sini.

Tikus-tikus itu boleh bersarang dan membiak di tunggul kayu dan timbunan sampah semulajadi lain yang dibiarkan reput di ladang-ladang itu.

Jabu berkata Punggok Selapong telah terbukti berkesan membantu mengatasi masalah serupa di Semenanjung.

Tambahan pula kajian menunjukkan punggok itu bukan merupakan ancaman terhadap haiwan lain kerana mereka hanya menjadikan tikus sebagai mangsa, katanya.

Sambil memberi jaminan bahawa kementerian akan memantau keberkesanan menempatkan punggok-punggok berkenaan, beliau berharap pendekatan itu akan membantu ladang meningkatkan hasil tuaian dan meningkatkan pertumbuhan industri itu di negeri ini.

-- BERNAMA

ESS JK RON

<<END>>>

21 SEP 2000

Mahathir-Selatan

AWASI KECENDERUNGAN BERGANTUNG KEPADA MEDIA ASING, KATA MAHATHIR

SHAH ALAM, 21 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata terpulanglah kepada negara-negara membangun di Selatan untuk membuat keputusan sama ada untuk terus bergantung kepada media asing.

"Ia boleh dihentikan serta merta atau berterusan selama-lamanya bergantung kepada keputusan Selatan. Negara-negara Selatan memperlihatkan perpecahan sehingga mereka langsung tidak dapat membuat keputusan tentang bila untuk bertemu," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan konvensyen antarabangsa di sini mengenai peranan media di Negara-negara Berkecuali.

Perdana Menteri telah ditanya berapa lamakah negara-negara Selatan harus bergantung kepada media asing.

Dr Mahathir berkata dalam era Internet dan operasi penyiaran secara serentak, berita boleh dihantar dengan serta merta serentak dengan perkembangan yang berlaku di mana-mana negara.

Perdana Menteri bagaimanapun menarik perhatian kepada hakikat bahawa akhbar-akhbar di Selatan tidak mempercayai kesahihan berita yang disalurkan dari bahagian lain di Selatan.

"Saya meragui sama ada negara-negara lain akan menyiarkan apa yang Bernama (Agensi Berita Nasional Malaysia) salurkan atau apa yang agensi-agensi berita Islam salurkan sebagai berita.

"Kita asyik bergantung kepada Reuters, CNN dan lain-lain walaupun mengetahui benar bahawa laporan mereka mengenai Malaysia adalah silap...dan begitu juga laporan mereka mengenai negara lain juga tidak betul," kata beliau.

Dr Mahathir berkata tidak banyak yang dapat dilakukan mengenai perkara itu kerana pertubuhan berita seperti itu amat berpengaruh dan tidak dapat disekat berita daripada melepasi sempadan.

"Justru itu, jika kita tidak mengubah pemikiran kita, jika kita terus percaya bahawa agensi-agensi berita itu membuat laporan yang tepat dan kita menyiarkannya, maka kita dianggap membantu mereka pula, jadi mereka akan terus beroperasi," kata beliau.

-- BERNAMA

MAM ZS FAZ